

08/05/1999

JPAT serba lengkap

Salbiah Ani

JABATAN Pengajian Asia-Timur (JPAT), Universiti Malaya (UM), menyediakan pengajian serba lengkap selain terkini dalam bidang bahasa, ketamadunan dan kotemporari negara Jepun, Korea dan China.

Ketua JPAT, Dr Md Ali Hasan, berkata 75 peratus silibus di jabatannya bertumpu dalam bidang ketamadunan (budaya dan sastera) manakala bakinya kontemporari (ekonomi, sosial, sejarah dan politik).

"Mahasiswa JPAT sebenarnya mendapat pengetahuan mutakhir dalam bidang bahasa, ketamadunan dan kotemporari negara Asia Pasifik kerana jabatan menggunakan khidmat tenaga pakar tempatan dan dari Jepun, Korea selain China," katanya pada pertemuan dengan Sastera dan Budaya, baru-baru ini.

Profesor Pelawat, Darsimah Mandah, rakyat Indonesia tetapi lulusan Jepun bukan saja mahir dalam kesusasteraan dan budaya negara matahari terbit juga pakar kabuki, drama moden serta novel mutakhir Jepun.

Dr Md Ali berkata, JPAT sebelum ini pernah mendapatkan khidmat tenaga pengajar dari Universitas Indonesia kerana mereka sudah lama mempunyai kepakaran dalam Pengajian Jepun.

"JPAT tidak mengambil pakar bahasa, kebudayaan dan kesusasteraan di kalangan orang Jepun kerana mereka tidak menguasai bahasa Inggeris dan akan menjejaskan proses pembelajaran mahasiswa," katanya.

Selain itu, JPAT juga berusaha memantapkan pengajaran kesusasteraan dan kebudayaan Korea Selatan, manakala perbincangan dengan kerajaan negeri terbabit sudahpun berlangsung.

Berkemungkinan JPAT akan mendapat pakar kesusasteraan Korea Selatan menjelang tahun 2000 berikutan termeterainya perjanjian persefahaman (MoU) dengan Yayasan Korea selain kini menggunakan khidmat ahli ekonomi negeri terbabit, Dr Kim Seoung Jin, selaku Profesor Pelawat.

Sementara itu, Pengajian China di UM sebelum pembentukan JPAT yang lebih bertumpu kepada Cina Malaysia akhirnya diperluaskan kepada Republik Rakyat China dengan terbentuknya jabatan terbabit.

Pengambilan pertama JPAT adalah pada sesi 1996 selepas pembentukan jabatan mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana ia selari dengan usaha Malaysia mahu meneliti ketamadunan negara rantau Timur hasil Dialog Peradaban yang berlangsung pada 1995.

Dr Md Ali berkata, JPAT turut merancang meramaikan lagi bilangan tenaga pengajar di kalangan rakyat tempatan dalam semua bidang berkenaan kerana Dasar Pandang Ke Timur akan berakhir pada tahun 2000.

"JPAT sudah menghantar beberapa tenaga pengajar bagi ijazah sarjana di negara Asia Pasifik berkenaan dalam usaha merealisasikan hasrat meningkatkan bilangan pesyarah tempatan di jabatan," katanya.

Menurutnya, Program Pengajian Jepun mendapat permintaan tinggi di kalangan mahasiswa baik yang mengambilnya sebagai kursus teras mahupun pilihan berbanding Program Pengajian Korea mahupun Program Pengajian Cina.

Bermula 36 calon pada tahun pertama ditawarkan, ia meningkat kepada 40 pada 97 dan 53 (98) manakala Program Pengajian Korea seramai tiga calon (97) dan empat (98) berbanding lima (97) bagi Program Pengajian China dan empat (98).

JPAT, katanya, turut membenarkan pemindahan kredit mahasiswa dari universiti luar dengan syarat universiti tempat mereka menuntut mempunyai Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan jabatan berkenaan.

Dr Md Ali berkata, mahasiswa JPAT yang cemerlang mudah mendapat pembiayaan pengajian kerana sejumlah biasiswa sudah disediakan oleh beberapa badan

korporat, yayasan dan pertubuhan rantau berkenaan.

Di antara yang menawarkan biasiswa, kemudahan latihan amali dan pertukaran pelajar ialah Kementerian Pendidikan Jepun (Mokus), Japan Security Foundation, Tokyo University, Japan Chamber of Trade and Industry, Sanwa Bank, Matsushita, Samsung Corporation dan Hanekwon Electronic.

(END)